

ZOLL AED 3[®]

TRAINER



Panduan Pengendali



ZOLL Medical Corporation
269 Mill Road
Chelmsford, MA Amerika Syarikat
01824-4105

Perhatian: Jabatan Perkhidmatan Teknikal

Tel: 978-421-9655 800-348-9011
Faks: 978-421-0001



ZOLL International Holding B.V.
Newtonweg 18
6662 PV ELST
Belanda

Tel: +31 (0) 481 366410
Faks: +31 (0) 481 366411

Perkhidmatan Antarabangsa: Hubungi pengedar tempatan anda.

Alat Latihan ZOLL AED 3® digunakan untuk menunjukkan dan melakukan latihan lengkap simulasi penyelamatan semasa Jantung Terhenti Mengejut, termasuk membuat renjatan dan melaksanakan CPR (resusitasi kardiopulmonari).

Item berikut terkandung dalam kotak penghantaran:

- Kuantiti 1: Alat Latihan ZOLL AED 3
- Kuantiti 1: Abah-abah Elektrod Latihan, Pad Elektrod dan Pelapik Uni-padz® CPR Alat Latihan ZOLL AED 3
- Kuantiti 4: Bateri sel D
- Kuantiti 1: Panduan Pengendali Alat Latihan ZOLL AED 3

Ciri-ciri Alat Latihan ZOLL AED 3

- Real CPR Help® Bersepadu: Alat Latihan ZOLL AED 3 menggabungkan maklum balas tekanan dada (kadar dan kedalaman) dalam masa nyata ketika melakukan tekanan dada sewaktu menggunakan Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3.
- Pengesanan "Pad Terpasang" pada patung manusia: Alat Latihan ZOLL AED 3 beralih kepada keadaan "analisis" sebaik sahaja pelatih meletakkan Uni-padz CPR pada patung manusia.
- Paparan LCD Aktif: Paparan berwarna penuh mengikut aksi ZOLL AED 3 dan memaparkan imej penyelamatan berserta dengan bar tekanan dada masa nyata apabila pelatih melakukan tekanan dada.
- Konfigurasi Mudah: Konfigurasi dilakukan secara langsung pada alat latihan. Alat kawalan jauh tidak diperlukan. Pilihan yang tersedia termasuk:
 - Senario latihan
 - Mod operasi (SEMI-AUTOMATIK atau SEPENUHNYA-AUTOMATIK)
 - Petunjuk Penyelamat Biasa (ON/OFF)
 - Petunjuk Periksa Pernafasan (ON/OFF)
 - Petunjuk Real CPR Help (ON/OFF)
 - Isipadu
 - Bahasa (model terpilih sahaja)
- Operasi Dewasa/Kanak-kanak
- Semi-automatik/Sepenuhnya-Automatik: Satu alat latihan untuk kedua-dua jenis alat. Alat Latihan ZOLL AED 3 boleh ditukarkan daripada mod Semiautomatik kepada Sepenuhnya Automatik dengan mudah.

- Pad latihan tahan lama: Pad elektrod direka bentuk untuk tahan selama sekurang-kurangnya 50 kitaran latihan. Abah-abah elektrod direka bentuk untuk tahan lama sekurang-kurangnya 100 kitaran latihan. Kitaran latihan ditakrifkan sebagai tekanan dada patung manusia selama 2 minit, dilakukan pada kedalaman 2" dengan kadar 100 per minit. Setiap kitaran juga termasuk satu penggunaan dan penanggalan pad pada patung manusia, serta satu penggunaan dan penanggalan pad pada pelapik. Pad Sternum dan Apex hendaklah sentiasa terlekat pada patung manusia.
- Kemas Kini Perisian USB: Perisian alat latihan boleh dikemas kini dengan mudah menggunakan pemacu kilat USB yang dipramuatkan dengan perisian.
 - **NOTA:** Meninggalkan pemacu kilat USB terpasang pada Penyambung USB semasa latihan akan mengurangkan hayat bateri dan memberikan kesan terhadap prestasi Alat Latihan ZOLL AED 3.

Penggunaan dan Penjagaan Pad Elektrod yang Betul

- Sebelum digunakan, tanggalkan pad elektrod daripada pelapik plastik dengan memegang setiap pad pada anak panah hitam dan tarik dengan berhati-hati daripada pelapik pada sudut 90°.
- Apabila tidak digunakan semasa sesi latihan, letakkan kembali pad elektrod pada pelapik plastik dan simpan di dalam beg plastik pada poket belakang Alat Latihan ZOLL AED 3.
- Permukaan gel perekat pada pad elektrod hendaklah dipasangkan hanya pada permukaan pelapik plastik yang bersih dan kering atau terus pada permukaan kering kulit patung manusia latihan CPR yang telah dibersihkan dengan sempurna daripada apa-apa sisa minyak, daki atau kotoran.
- Setelah tamat latihan, tanggalkan pad elektrod daripada patung manusia latihan CPR secara cermat dengan memegang pad pada anak panah hitam dan menarik pad dengan berhati-hati daripada patung manusia pada sudut 90°.
- Pasang semula pad elektrod pada pelapik plastik dengan cermat serta memastikan setiap pad betul-betul rata dan melekat sepenuhnya pada pelapik masing-masing.

Alat Latihan ZOLL AED 3



Bahagian depan Alat Latihan ZOLL AED 3


- 1 – Butang ON/OFF
- 2 – Penunjuk Status Ulangan
- 3 – Penyambung Elektrod Latihan
- 4 – Butang Renjat
- 5 – Butang Kanak-kanak
- 6 – Pembesar suara



Bahagian belakang Alat Latihan ZOLL AED 3


- 1 – Penyambung USB
- 2 – Label Pengenalan Peranti
- 3 – Label Nombor Siri Peranti
- 4 – Pintu Ruang Bateri
- 5 – Sangga Penyokong

Butang Pengendalian Alat Latihan ZOLL AED 3



- 1 – Butang Jeda Senario Latihan
- 2 – Butang Pilihan Menu Konfigurasi Alat
- 3 – Butang Tatal Menu Konfigurasi Alat
- 4 – Butang Pilihan Opsyen Konfigurasi Alat

Elektrod Latihan Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3



Apabila anda menerima Alat Latihan ZOLL AED 3, elektrod latihan hendaklah dipasangkan. Sila rujuk Panduan Pemasangan Elektrod Alat Latihan ZOLL AED 3 (P/N 9650-000864-40) untuk arahan pemasangan.


Menyediakan Alat Latihan ZOLL AED 3 anda

Memasang Bateri

(1)



(2)



(3)



(4)



Masukkan Elektrod Uni-padz CPR kepada Penyambung Elektrod Latihan

(1)



(2)



(3)



Mengkonfigurasi Alat Latihan ZOLL AED 3

Masuk menu Persediaan/Konfigurasi dengan menekan Butang Pilihan Menu Konfigurasi Alat.

Arahan Navigasi:

- (1) Gunakan "Butang Tatal Menu Konfigurasi Alat" untuk beralih daripada satu pilihan ke pilihan lain.
- (2) Gunakan "Butang Pilihan Opsyen Konfigurasi Alat" untuk menyelaraskan pilihan konfigurasi.
- (3) Apabila persediaan telah lengkap, tekan "Butang Pilihan Menu Konfigurasi Alat" untuk memadamkan alat latihan.

Pilihan boleh dikonfigurasi:

- (1) Pilih Senario Latihan anda daripada empat pilihan (=Ikon Renjatan, =Ikon Tiada Renjatan)

a. Renjatan / Renjatan / Renjatan	 /  / 
b. Tiada Renjatan / Renjatan / Renjatan	 /  / 
c. Renjatan / Tiada Renjatan / Tiada Renjatan	 /  / 
d. Tiada Renjatan / Tiada Renjatan / Tiada Renjatan	 /  / 

- (2) Operasi Alat / Jenis Renjatan:
 - a. SEMI-AUTOMATIK
 - b. SEPENUHNYA-AUTOMATIK
- (3) Petunjuk Penyelamat Biasa ("PERIKSA GERAK BALAS" / "PANGGIL UNTUK BANTUAN")
 - a. ON
 - b. OFF
- (4) Petunjuk Periksa Pernafasan ("BUKA SALURAN UDARA" / "PERIKSA PERNAFASAN")
 - a. ON
 - b. OFF
- (5) Petunjuk Real CPR Help ("TEKAN LEBIH KUAT" / "TEKANAN DADA YANG BAIK"):
 - a. ON
 - b. OFF
- (6) Isipadu (Rendah, Sederhana, Tinggi -- ditunjukkan oleh Ikon):
 - a.  - Rendah
 - b.  - Sederhana
 - c.  - Tinggi
- (7) Bahasa (ditentukan oleh model)

Penyelesaian masalah

Gesaan Real CPR Help dan Kemas Kini Perisian tidak akan berfungsi dalam keadaan bateri yang lemah. Gesaan "TUKAR BATERI" akan dipaparkan dalam menu persediaan apabila bateri lemah.

Penyelenggaraan

Alat Latihan ZOLL AED 3 haruslah sentiasa bersih, tidak rosak dan bebas daripada haus yang berlebihan.

Pastikan tiada retakan atau bahagian yang longgar dalam Alat Latihan ZOLL AED 3.

Abah-abah Elektrod Latihan Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3 hendaklah digantikan sekiranya perlu.

Pad Elektrod Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3 hendaklah digantikan sekiranya perlu.

Pelapik Elektrod Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3 hendaklah digantikan sekiranya perlu.

Pembersihan

Alat Latihan ZOLL AED 3 boleh dibersihkan dengan kain lembut yang lembap menggunakan air dan sabun, kemudian dilap kering dengan serta-merta.

JANGAN:

- Rendam mana-mana bahagian alat latihan dalam air.
- Gunakan keton (cth: MEK, aseton) untuk membersihkan alat latihan.
- Menggunakan pelelas pada mana-mana permukaan.
- Mensterilkan Alat Latihan ZOLL AED 3.

Aksesori

Aksesori Alat Latihan ZOLL AED 3 yang berikut boleh dipesan daripada Jabatan Perkhidmatan Pelanggan ZOLL atau pengedar tempatan anda:

8028-000010: Abah-abah Elektrod Latihan Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3

8028-000014: Pad Elektrod Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3, Kuantiti 5

8028-000013: Pelapik Pengganti Elektrod Uni-padz CPR Alat Latihan ZOLL AED 3, Kuantiti 1

Amaran

Alat Latihan ZOLL AED 3 bertujuan untuk kegunaan dalam bangunan sahaja.

Alat Latihan ZOLL AED 3 bertujuan untuk kegunaan latihan sahaja. Alat ini tidak akan menyalurkan tenaga defibrilasi.

Jangan cuba untuk memasang Simulator AED kepada penyambung Alat Latihan ZOLL AED 3.

Jangan cuba untuk meleraikan bahagian Alat Latihan ZOLL AED 3.

Tanggalkan pintu ruang bateri hanya semasa menggantikan bateri.

Simbol

Mana-mana atau semua simbol berikut mungkin digunakan dalam manual ini atau pada alat ini:

	Conformité Européenne ⁷³ - Mematuhi Arahan Voltan Rendah 73/23/EEC.
	Rujuk arahan untuk penggunaan.
	Kembalikan ke tapak pembuangan yang ditetapkan untuk sisa peralatan elektrik dan elektronik (WEEE). Jangan buang ke dalam sampah yang tidak diasingkan.
	Nombor Katalog.
	Pengeluar.
	Wakil sah di Negara Eropah.